

Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi USIM 1 hingga 5 Julai

SEREMBAN 2 Julai - Bagi memberi pengiktirafan dan memperbaharui komitmen kakitangan serta pihak pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengadakan Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi (MKI) di sini semalam.

Menurut kenyataan Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM hari ini, program yang akan berakhir 5 Julai ini bertujuan meningkatkan kualiti dan inovasi warga universiti.

Pendekatan itu seiring dengan misi untuk meningkatkan semangat kerjasama dalam kalangan staf jabatan dan unit.

Sehubungan itu katanya, Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi (AKI) Tahun 2012 diangkat sebagai acara kemuncak bagi keseluruhan Sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi (MKI) di USIM bagi tahun ini.

“Objektif utama MKI 2013 yang menggabungkan beberapa elemen berkaitan adalah untuk meningkatkan produktiviti, kualiti dan inovasi dalam kalangan seluruh warga kerja USIM seiring dengan misi meningkatkan semangat kerjasama staf setiap jabatan dan unit,” katanya

di sini hari ini.

Perasmian program berkenaan telah disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mustafa Mohd. Hanefah.

Kenyataan berkenaan turut menyebut, pelbagai acara dijalankan sepanjang program berkenaan berlangsung seperti Program Kualiti Kesihatan Rohani dan Jasmani, Skuad Kualiti dan Inovasi, Program 5S, Forum Kualiti dan Kesihatan.

Pada masa yang sama, beberapa anugerah akan turut disampaikan pada Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi (AKI) pada hari akhir program itu.

“Antara anugerah yang akan disampaikan termasuklah Anugerah Sumbangsih Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anugerah Terpuji Anugerah Khas Penghargaan kepada Bahagian Keselamatan Johan Pertandingan Melawan Kebakaran (CDERT) kali ke-4,” katanya.

Majlis berkenaan dijangka dihadiri oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.